



No. Ruj.: DOF.UKK.11/02/09-1/1 Jld. 2 (20)

## SIARAN MEDIA

### INDUSTRI AKUAKULTUR KERANG: MENINGKATKAN EKONOMI DAN KESTABILAN BEKALAN

**PUTRAJAYA, 7 Mac 2025** – Industri akuakultur kerang di Malaysia terus menunjukkan perkembangan pesat dengan peningkatan permintaan yang ketara dari pasaran domestik dan antarabangsa. Sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi negara, malah turut memberi impak positif kepada kesejahteraan komuniti pesisir melalui pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup.

Data perbandingan dari tahun 2017 hingga 2024 menunjukkan bahawa sektor akuakultur berjaya mengekalkan kestabilan bekalan dan memberikan pulangan ekonomi yang lebih mampan kepada pengusaha serta komuniti nelayan. Berbanding dengan sumber tangkapan, akuakultur kerang terbukti lebih stabil kerana kawalan pengeluaran yang lebih baik dan kurang bergantung kepada faktor persekitaran serta perubahan ekologi.

Berdasarkan data perangkaan pengeluaran kerang-kerangan negara, **pengeluaran kerang meningkat daripada 15,147.76 tan pada tahun 2023 kepada 16,198.96 tan pada tahun 2024**. Begitu juga dengan kupang yang mencatatkan peningkatan daripada 2,436.54 tan kepada 3,637.93 tan. Walau bagaimanapun, pengeluaran tiram menunjukkan sedikit penurunan daripada 169.43 tan kepada 132.14 tan. Secara keseluruhan, industri kerang-kerangan mengalami pertumbuhan positif dengan jumlah pengeluaran meningkat daripada 17,776.03 tan pada tahun 2023 kepada 20,290.75 tan pada tahun 2024.

Penternakan kerang di Malaysia secara amnya dijalankan secara semi-akuakultur, di mana benih kerang diperoleh daripada kawasan semula jadi. Namun, penternak menghadapi cabaran dalam mengawal kualiti air di kawasan ternakan, yang boleh memberi kesan kepada kadar pertumbuhan dan hasil tuaian.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan Projek Kebun Kerang sebagai satu inisiatif strategik bagi meningkatkan pengeluaran kerang negara. Projek ini bertujuan untuk membangunkan kawasan dataran berlumpur yang sedia ada secara sistematik dan teratur bagi memastikan kelestarian industri ini. Pelaksanaannya juga adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002.

"Projek Kebun Kerang yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia telah membuktikan kejayaannya dalam meningkatkan taraf ekonomi masyarakat pesisir. Melalui inisiatif ini, kawasan dataran berlumpur yang sedia ada dimanfaatkan secara sistematik dan teratur untuk penternakan kerang, seterusnya memastikan bekalan yang mampan bagi memenuhi permintaan pasaran. Kami komited untuk terus menyokong penternak dengan latihan dan teknologi moden bagi memastikan industri ini berkembang secara lestari," kata Dato' Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Kajian Jabatan Perikanan turut menunjukkan bahawa Projek Kebun Kerang di Lekir, Perak, telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi masyarakat pesisir. Projek ini telah membantu mengurangkan kadar peserta dalam kategori B40 daripada 87.3% kepada 67.3% dalam tempoh setahun, manakala pendapatan golongan M40 meningkat daripada 8.9% kepada 27.4%. Ini membuktikan bahawa akuakultur bukan sahaja menjamin bekalan kerang yang mampan, tetapi juga memberi impak sosio-ekonomi yang ketara kepada komuniti nelayan.

Walaupun industri akuakultur kerang menunjukkan potensi pertumbuhan yang memberangsangkan, cabaran seperti ketidakseimbangan antara permintaan dan pengeluaran kekal menjadi isu utama. Peningkatan permintaan yang tidak seiring dengan kadar pengeluaran boleh mencetuskan inflasi harga serta menggalakkan aktiviti penangkapan berlebihan yang tidak mampan. Oleh itu, usaha berterusan daripada Jabatan Perikanan Malaysia dalam menyediakan sokongan teknikal kepada penternak melalui latihan dan program peningkatan kapasiti amat penting bagi memastikan kelangsungan industri ini dalam jangka masa panjang.

Sebagai langkah strategik, Jabatan Perikanan terus memperkukuh pembangunan industri ini melalui penggunaan teknologi moden dalam pemantauan stok, pengurusan air, dan sistem pembiakan bagi memastikan produktiviti optimum serta mengurangkan kesan terhadap biodiversiti semula jadi. Penyelidikan juga sedang dijalankan bagi mengenal pasti kawasan berpotensi untuk memperluaskan lagi projek akuakultur kerang.

Kerjasama erat antara kerajaan negeri dan agensi berkaitan turut diperkukuhkan bagi memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan kewangan untuk penternak dapat disediakan secara menyeluruh. Jabatan Perikanan Malaysia yakin bahawa industri akuakultur kerang akan terus berkembang secara lestari, memenuhi permintaan pasaran serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)